



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM DARES @ KOMUNITI PERINGKAT KEBANGSAAN SEDIA RUANG DIALOG INKLUSIF PERKUKUH KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP ISU-ISU PERPADUAN

PULAU PINANG, 1 Ogos 2026 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan **Program Dialog Aman, Responsif dan Empati Sosial (DARES@Komuniti) Peringkat Kebangsaan 2026**. Program telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, hari ini.

Membawa tema “**Teguh Bersama: Mengakar Jati Diri, Mengukuh Negara Bangsa**”, program ini bertujuan untuk **menyediakan ruang dialog inklusif bagi memperkukuh kesepaduan sosial, meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu perpaduan serta membudayakan penyelesaian konflik secara aman**. Pada tahun ini, program DARES@Komuniti dilaksanakan di lima (5) buah lokasi iaitu Johor, Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kelantan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya menegaskan bahawa kepelbagaian agama, kaum, budaya dan bahasa merupakan aset terbesar negara, namun cabaran keharmonian kini banyak berpunca daripada ruang digital yang menjadi medium penyebaran fitnah, ujaran kebencian, provokasi agama dan perkauman.

“Dalam era kecerdasan buatan (AI), algoritma media sosial dan ledakan maklumat, kita memerlukan lebih ramai ejen perpaduan digital yang memilih fakta berbanding fitnah, memilih empati berbanding emosi, dan memilih dialog berbanding provokasi,” tambah beliau.

Sementara itu, KPN telah memperkenalkan inisiatif Mediasi Komuniti sebagai satu mekanisme penyelesaian pertikaian secara aman, cepat dan berhemah. Sehingga kini, seramai **595 orang Mediator Komuniti** telah

dilantik dan berkhidmat melalui **10 Pusat Mediasi Komuniti** di seluruh negara. Bagi memperluas akses masyarakat kepada perkhidmatan mediasi, sebanyak **12 lokasi baharu** akan diwujudkan secara berperingkat melalui kerjasama strategik dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sejak pelaksanaan inisiatif ini pada tahun 2017 hingga 2025, sebanyak **1,273 kes** telah berjaya diselesaikan melalui mekanisme mediasi komuniti merangkumi pelbagai bentuk pertikaian, **termasuk konflik kejiwaan, isu sensitiviti agama, pertikaian kekeluargaan, harta milik bersama, isu tanah, alam sekitar, perjanjian atau kontrak serta isu kepenggunaan**. Pencapaian ini membuktikan keberkesanan mediasi komuniti sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian yang cepat, harmoni dan berkesan dalam memperkukuh perpaduan serta kesejahteraan masyarakat.

Program dialog ini menampilkan pelbagai topik menarik seperti Lensa Digital: Anatomi Provokasi: Mengesan Naratif 3R & Ekstremisme dalam Komuniti, Dialog Aman: Kedaulatan Sosial: Mengimbangi Kebebasan Bersuara & Keselamatan Negara Bangsa, dan Slot Lensa Belia: Perbincangan isu semasa berkaitan peranan belia dan ancaman serta bahaya siber/e-sport terhadap belia.

Kementerian Perpaduan Negara

1 Ogos 2026

KPN.100-9/1/16 (65)

